





MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2021**

Tahfiz Al-Quran (932)





KANDUNGAN

Tahfiz Al-Quran (932/1)	1 – 7
Tahfiz Al-Quran (932/2)	8 – 14
Tahfiz Al-Quran (932/3)	15 – 19

TAHFIZ AL-QURAN (932/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 116 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.38% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	29.31	12.07	10.34	11.21	14.66	8.62	5.17	2.59	2.59	0.00	3.45

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu kertas soalan adalah baik dan sesuai untuk penilaian pada peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi kesemua aras; mudah, pertengahan, dan sukar serta mematuhi keperluan (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) KBAT. Terdapat dua pembahagian soalan iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Kekuatan calon ketika menjawab lebih cenderung kepada Bahagian B berbanding Bahagian A.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menulis ayat bermula dari awal juzuk 6 surah al-Nisa', ayat 148 dan ayat 149. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun terdapat segelintir calon yang tidak dapat menyempurnakan ayat yang diminta dengan baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهَرَ بِالسُّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ
اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿٤٦﴾ إِنْ تُبَدِّلُ خَيْرًا أَوْ تُخْفِهُ أَوْ تَعْفُوْعَنْ

Soalan 1(b) menghendaki calon menulis dengan lengkap ayat 153, surah al-Nisa' bermula dari ayat yang diberikan hingga akhir ayat. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَى أَكَبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهَرًا
فَأَخَذَتْهُمُ الصَّرْعَةُ بِظُلْمِهِ ثُمَّ أَنْهَدُوا الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِ مَا
جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ فَعَفَوْنَاهُ عَنْ ذَلِكَ وَإِنَّا مُوسَى سُلْطَنًا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menulis surah al-An'am, ayat 3. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik dan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَفِي الْأَرْضِ يَعْلَمُ سِرِّكُمْ وَجَهَرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

Soalan 2(b) menghendaki calon menyempurnakan surah al-An'am, ayat 5 dan ayat 6. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan ini dikategorikan sebagai soalan yang sukar bagi calon.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

فَقَدْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَسَوْفَ يَأْتِيهِمْ أَنْبَوْا مَا كَانُوا يَهْيَءُونَ
يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٥﴾ أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكَنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنَى مَكَّةَ هُمْ
فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمِكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدَارًا
وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكَنَا هُمْ بِذُنُوبِهِمْ

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menulis surah al-A'raf, ayat 6 dan ayat 7. Hanya sebahagian calon yang menjawab soalan ini. Namun demikian, bagi calon yang menjawab soalan ini, calon dapat memberikan jawapan yang baik dan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

فَلَنَسْأَلَنَّ الَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلَسْأَلَنَّ الْمُرْسَلِينَ ﴿٦﴾
فَلَنُنْقَصَنَّ عَلَيْهِمْ بِعِلْمٍ وَمَا كُنَّا غَايِبِينَ ﴿٧﴾

Soalan 3(b) menghendaki calon menyempurnakan surah al-A'raf, ayat 48. Hanya sebahagian calon yang menjawab soalan ini. Soalan ini berada pada tahap sukar kerana ia merupakan ayat *mutasyabihat* yang memang sukar untuk dijawab oleh calon.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَنَادَى أَصْحَابُ الْأَغْرِافِ رِجَالًا يَعْرُوفُونَمِ سِيمَاهُمْ قَالُوا مَا أَعْنَى عَنْكُمْ جَمِيعُكُمْ
وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَكِبِرُونَ ﴿٤٨﴾

Soalan 3(c) menghendaki calon menyempurnakan surah al-A'raf, ayat 50. Hanya sebahagian calon yang menjawab soalan ini. Soalan ini berada pada tahap sukar kerana ia merupakan ayat *mutasyabihat* yang memang sukar untuk dijawab oleh calon.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَنَادَىٰ أَصْحَابُ الْنَّارِ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَنَّ أَفِيصُوا عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ أَوْ مِمَّا

رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ حَرَمَهُمَا عَلَى الْكَفِرِينَ ﴿٥٠﴾

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menulis ayat pertama daripada surah al-Tawbah hingga ayat 2. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan jawapan yang tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

بَرَآءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدُوكُم مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

فَسِيِّحُوهُ فِي الْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعَذِّبِي

Soalan 4(b) menghendaki calon menyempurnakan surah al-Tawbah, ayat 34. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik dan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَالرُّهْبَانِ لِيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ أُنَاسٍ بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ

عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكُنُّ زُورَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ

وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٥٤﴾

BAHAGIAN B: *Maharat al-Qiraat*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon perihalkan biodata ringkas Imam Abu Ja'far dan menyatakan cara bacaannya pada ayat pertama surah al-Fatihah. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Walau bagaimanapun pada perihal biodata Imam Abu Ja'far, terdapat beberapa calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Biodata ringkas Imam Abu Ja'far dan cara bacaannya:

- Imam Abu Ja'far ialah Yazid bin al-Qa'qa', meninggal dunia di Madinah, pada tahun 128 H.
- Cara bacaannya pada ayat tersebut ialah *saktah* antara dua huruf *ya* dan *sin*.

Soalan 5(b) menghendaki calon menyatakan cara bacaan bagi Imam Ibn Kathir pada kalimah-kalimah yang bergaris. Soalan yang berkaitan dengan perselisihan *qiraat*, majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Cara bacaan Imam Ibn Kathir pada kalimah yang bergaris:

- Membaca *naqal* ketika *wasal* dan *waqaf* pada kalimah وَالْفُرْعَانِ.
- Membaca dengan *qasr* (dua harakat) pada kalimah مَا أَنْذِرَ.
- Membaca dengan *silah mim jama'* pada kalimah تَكْرِهُمْ.

Soalan 5(c) menghendaki calon menyatakan empat kalimah dan hukum yang berbeza bagi riwayat Warsy. Soalan yang berkaitan dengan perselisihan *qiraat*, majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Kalimah yang diperselisihkan oleh riwayat Warsy ialah:

- Kalimah لِتُنذِرَ dibaca dengan *tarqiq ra*
- Kalimah مَا أَنْذِرَ dibaca dengan *isyba'*
- Kalimah ءاباؤهُمْ dibaca dengan *isyba'*
- Kalimah يُؤْمِنُونَ dibaca dengan *ibdal*
- Kalimah لَآدْقَانٍ dibaca dengan *naqal*

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan bacaan *qurra' asyarah* pada kalimah **خَيْرُكُمْ لَكَ**. Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan tepat bacaan pada kalimah **خَيْرُكُمْ لَكَ**.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Bacaan *qurra' asyarah* pada kalimah **خَيْرُكُمْ لَكَ**

- Warsy membaca dengan *tarqiq ra*
- Baki *qurra'* membaca dengan *tafkhim ra*

Soalan 6(b) menghendaki calon menerangkan cara bacaan bagi riwayat Warsy pada kalimah yang diberikan. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik dan dapat menerangkan cara bacaannya dengan betul dan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

وَالضَّحْكَى : membaca dengan *taqlil*

وَلِلآخرة : membaca dengan *naqal* dan *tarqiq ra*

أَسْئَالٌ : membaca dengan *isyba'*

Soalan 6(c) menghendaki calon membezakan bacaan antara riwayat Qalun dengan riwayat Warsy pada setiap kalimah yang diberikan. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik dan dapat membezakan cara bacaan antara kedua-duanya dengan betul dan tepat.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

فَرَضَتْ : Qalun membaca dengan *fathah* manakala riwayat Warsy membaca dengan *taqlil*

عَابِدٌ : Qalun membaca dengan *tawassut* manakala riwayat Warsy membaca dengan *isyba'*

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon perihalkan biodata ringkas Imam Khalaf al-'Asyir. Majoriti calon kurang menjawab pada soalan ini. Walau bagaimanapun hanya segelintir pelajar yang boleh menjawab semua soalan pada bahagian ini. Jawapan yang diberikan pada keseluruhan bahagian ini adalah baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Biodata ringkas Imam Khalaf al-'Asyir:

- Beliau ialah Khalaf bin Hisyam,
- Digelar sebagai Abu Muhammad,
- Lahir tahun 150H
- Meninggal dunia tahun 229H di Baghdad.

Soalan 7(b) menghendaki calon menyatakan **tiga manhaj** bacaan bagi Imam Khalaf al-'Asyir. Majoriti calon kurang menjawab pada soalan ini. Walaubagaimanapun hanya segelintir pelajar yang boleh menjawab semua soalan pada bahagian ini. Jawapan yang diberikan pada keseluruhan bahagian ini adalah baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Manhaj bacaan bagi Imam Khalaf al-'Asyir ialah:

- i. *Mad muttasil* dibaca dengan *tawassut*.
- ii. *Mad munfasil* dibaca dengan *tawassut*.
- iii. *Zawatil ya* dibaca dengan *imalah kubra*.
- iv. Kalimah مَلِكٌ dibaca dengan *hazaf alif*.
- v. Kalimah صَرَاطٌ dibaca dengan huruf *sad*.

Soalan 7(c) menghendaki calon menyatakan perbezaan bacaan Imam Khalaf al-'Asyir dengan riwayat Khalaf pada ayat ﴿صَرَاطُ الدِّينِ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا أَصْنَاعُهُمْ﴾. Majoriti calon kurang menjawab pada soalan ini. Walaubagaimanapun hanya segelintir pelajar yang boleh menjawab semua soalan pada bahagian ini. Jawapan yang diberikan pada keseluruhan bahagian ini adalah baik.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Perbezaan bacaan Imam Khalaf al-'Asyir dengan riwayat Khalaf pada ayat tersebut:

- i. Kalimah صَرَاطٌ, Imam Khalaf al-'Asyir membaca dengan huruf *sad*, sementara riwayat Khalaf membaca dengan bunyi huruf *zai isymam*.
- ii. Kalimah عَلَيْهِمْ, Imam Khalaf al-'Asyir membaca dengan *kasrah* pada huruf *ha*, sementara riwayat Khalaf membaca dengan *dhammah* pada huruf *ha*.

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menyatakan dua *qurra'* yang digelar sebagai *Basriyyun*. Kebanyakkan calon boleh menjawab dengan baik pada soalan ini. Walaubagaimanapun pada soalan 8 (a) iaitu *qurra'* yang digelar *Basriyyun*, hanya sedikit sahaja calon berjaya memberikan jawapan yang betul pada soalan ini.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua *qurra'* yang digelar sebagai *Basriyyun*

- Imam Abu 'Amr
- Imam Ya'qub.

Soalan 8(b) menghendaki calon menghuraikan wajah bacaan yang terdapat pada kalimah وَلَلَا يَخْرُجُ. Kebanyakkan calon boleh menjawab dengan baik pada soalan ini.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Wajah bacaan yang terdapat pada kalimah **وَلَلَّا خَرَّةٌ :**

- i. Riwayat Warsy membaca dengan *naqal*
- ii. Riwayat Warsy membaca dengan *tathlith badal*,
- iii. Riwayat Warsy membaca dengan *tarqiq ra*
- iv. Riwayat Khalaf membaca dengan *sakta*.
- v. Riwayat Khallad membaca dengan *sakta* atau tanpa *sakta*
- vi. Baki *qurra'* membaca dengan *tahqiq*

Soalan 8(c) menghendaki camemberikan perbezaan bacaan riwayat Warsy dengan bacaan riwayat

Duri Abu 'Amr pada kalimah ① **قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْكَسِّ**.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

Perbezaan bacaan riwayat Warsy dengan bacaan riwayat Duri Abu 'Amr:

- i. **قُلْ أَعُوذُ :** Warsy membaca *naqal* manakala Duri Abu 'Amr membaca dengan tanpa *naqal*.
- ii. **أَلْكَسِّ :** Warsy membaca dengan *fathah* manakala Duri Abu 'Amr membaca dengan *imalah kubra*.

TAHFIZ AL-QURAN (932/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 113 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 87.59% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	29.20	13.27	16.81	10.62	9.73	3.54	4.42	0.00	0.00	0.88	11.50

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu kertas soalan adalah baik dan sesuai untuk penilaian pada peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi kesemua aras; mudah, pertengahan, dan sukar serta mematuhi keperluan KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). Terdapat tiga pembahagian soalan iaitu Bahagian A dan Bahagian B dan bahagian C. Kekuatan calon ketika menjawab lebih cenderung kepada Bahagian B dan C berbanding Bahagian A.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyambung ayat al-Quran dari surah Maryam, ayat 1 dan ayat 2. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul, hanya sebahagian sahaja tidak dapat menyempurnakan ayat al-Quran tersebut.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَنَدَاءَ حَفِيَّا ﴿١﴾ قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظِيمُ مِنِي
وَأَشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيقًا ﴿٢﴾

Soalan 1(b) menghendaki calon menyambung ayat terakhir dari surah Maryam. Hanya beberapa calon sahaja yang dapat menjawab dengan sempurna dan sebagiannya hanya menjawab sebahagian sahaja, manakala sebahagian calon tidak dapat menjawab.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًا ﴿٩٦﴾ فَإِنَّمَا يَسْرِئِنَاهُ بِلِسَانِكَ
لِتُبَشِّرَ بِهِ الْمُتَّقِينَ وَتُنذِرَ بِهِ قَوْمًا لَّدَّا ﴿٩٧﴾ وَكَمْ أَهْلَكَنَا
فَقَلَّمُونَ قَرْنٌ هَلْ تُحْسِنُ مِنْهُمْ مِنْ أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًا ﴿٩٨﴾

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon meulis ayat 1 dan ayat 2 surah al-Anbiya'. Majoriti calon dapat menjawab pada soalan ini mengikut kehendak skema jawapan. Hanya segelintir sahaja calon yang melakukan kesilapan ketika menulis ayat al-Quran.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

﴿ أَقْرَبَ لِلنَّاسِ حَسَابُهُمْ وَهُمْ فِي عَفْلَوٍ مُعَرِّضُونَ ﴾
 ﴿ مَا يَأْتِيهِم مِنْ ذِكْرٍ مِنْ رَبِّهِمْ مُحَدِّثٌ إِلَّا أَسْتَمْعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴾

Soalan 2(b) menghendaki calon melengkapkan ayat ayat 9 hingga ayat 11 dalam surah al-Anbiya' dengan menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*. Sebahagian calon dapat menjawab menurut skema jawapan manakala sebahagian calon dapat menjawab sebahagian dari jawapan tetapi tidak dapat menjawab menggunakan *al-Rasm al-Uthmani* dan sebahagian calon tidak dapat menjawab.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

﴿ فَأَنْجَيْنَاهُمْ وَمَنْ نَشَاءَ وَهَلَّكَنَا الْمُسَرِّفِينَ ﴾
 ﴿ لَقَدْ أَنْزَلَنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾
 ﴿ وَكُمْ قَصْمَنَا مِنْ قَرِيبِهِ كَانَتِ الظَّالِمَةُ وَلَشَانَاتِنَا بَعْدَهَا قَوْمًا أَخْرَيْنَ ﴾

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyempurnakan ayat 75 dari surah al-Mukminun menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*. Hanya sekumpulan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul manakala beberapa calon hanya dapat menjawab separuh sahaja dan sebahagian lainnya tidak dapat menjawab.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

﴿ وَلَوْ رَحْمَنَهُمْ وَكَشَفَنَا مَا بِهِمْ مِنْ ضُرٍّ لَلَّاجُوا فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴾
 ﴿ وَلَقَدْ أَخْذَنَهُمْ بِالْعَذَابِ فَمَا أَسْتَكَانُوا لِرَبِّهِمْ وَمَا يَتَضَرَّعُونَ ﴾

Soalan 3(b) menghendaki calon menyempurnakan ayat 63 dari surah an-Nur. Terdapat sebahagian calon dapat menjawab dengan betul dan sebahagian calon tertukar ayat dari surah lain dan selebihnya tidak dapat menjawab.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

كَدُعَاءَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَسْأَلُونَ مِنْكُمْ
لَوَادًا فَلَيَحْذِرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ
فِتْنَةً أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menulis ayat 1 hingga ayat 3 dari surah al-Syu'ara' menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*. Majoriti calon yang menjawab soalan ini dapat menyempurnakan jawapan mengikut skema jawapan. Hanya segelintir calon tidak dapat menyempurnakan jawapan dan kesilapan pada penulisan menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

طَسَمٌ ۝ إِنَّكَ مَا إِيَّاكُمْ أَكْتَبْتِ الْمُؤْمِنِينَ ۝ لَعَلَّكَ بَخْيُّ نَفْسَكَ
۝ أَلَا يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ۝

Soalan 4(b) menghendaki calon menyempurnakan ayat dari surah al-Nahl. ayat 36 hingga ayat 38. Antara kelemahan calon pada soalan ini ialah tidak dapat menyempurnakan ayat tersebut serta berlaku pertukaran jawapan dari surah lain.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

قَالَ أَتُمُدُّونَ بِمَالٍ فَمَا آتَنَنَّهُ اللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّا آتَكُمْ بَلْ أَنْتُمْ
بِهِدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ۝ اُرْجِعُ إِلَيْهِمْ فَلَمَّا تَبَيَّنَهُمْ بِهِنْوَدٍ لَا قَبَ لَّهُمْ
بِهَا وَلَنْخَرِجَنَّهُمْ مِّنْهَا أَذْلَّهُ وَهُمْ صَاغِرُونَ ۝ قَالَ يَاتِيهَا الْمُلْكُ أَيُّكُمْ

BAHAGIAN B: *Maharat al-Rasm*

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan takrif *al-Rasm al-Qiyasi*. Kebanyakan calon dapat menyatakan takrif *al-Rasm al-Qiyasi*. Hanya sebahagian kecil tidak dapat mendatangkan takrif yang betul. Jawapan sepatutnya boleh dikemukakan oleh calon ialah, tulisan ayat-ayat al-Quran dengan kaedah dan bunyut huruf-huruf *hijaiyyah*.

Soalan 5(b) menghendaki calon membincangkan tiga hubungan antara *al-Rasm al-Uthmani* dengan *al-Qiraat*. Antara kelemahan calon tidak dapat menyatakan hubungan antara *al-Rasm al-Uthmani* dan *qiraat*. Selain itu jawapan yang diberikan calon agak keliru antara kelebihan *al-Rasm al-Uthmani* dan hubungan *al-Rasm al-Uthmani* dengan *qiraat*. Majoriti calon tertinggal untuk menyatakan kesimpulan dari jawapan yang diberikan.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Tidak bertitik bagi huruf pada mashaf zaman Khalifah Uthman bin ‘Affan. Justeru penulisan ini sesuai dibaca dengan pelbagai *qiraat*.
- *Al-Rasm al-Uthmani* ditulis dengan satu *rasm* tetapi mempunyai perbezaan dalam bacaan *qiraat*.
- *Al-Rasm al-Uthmani* terdiri daripada kaedah *al-Ziyadah* dan *al-Hazaf*.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menulis dua kalimah yang diberikan iaitu *أولئك الذين* dan *العلميون* menggunakan *al-Rasm al-Uthmani* dan menyatakan kaedah penulisan yang digunakan. Majoriti calon dapat menjawab dengan betul. Hanya sedikit dari calon dapat menulis kembali menggunakan *al-Rasm al-Uthmani* tetapi tidak dapat menyatakan kaedah yang digunakan.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- *أولئك الذين* kaedah *hazaf*.
- *أولئك* kaedah penulisan *hamzah ziyadah*.

Soalan 6(b) menghendaki membincangkan pandangan jumhur ulama yang mewajibkan penggunaan *al-Rasm al-Uthmani* semasa proses penulisan al-Quran. Calon perlu mengemukakan dua hujah bagi menyokong pandangan tersebut. Kebanyakkan calon dapat menjawab seperti kehendak skema. Terdapat di antara calon yang tidak dapat mengemukakan isi kesimpulan pada jawapan mereka.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Semua juru tulis wahyu Rasul s.a.w menulis menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*.
- Disepakati oleh 12000 sahabat baginda SAW bahawa *al-Rasm al-Uthmani* wajib diikuti.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menyatakan maksud *al-Hazf* dan *al-Ibdal* berserta dengan contoh. Majoriti calon dapat menjawab dengan betul pada soalan ini. Hanya segelintir tidak dapat mendatangkan contoh serta maksud dua kaedah ini.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- *Al-Hazf* bermaksud huruf-huruf yang tidak ditulis (dibuang), tetapi wajib dibaca. Contohnya kalimah *الْعَلَمِيَّاتِ*, walaupun huruf *alif* selepas huruf *ain* dihazafkan, namun ia tetap ada dalam bacaan.
- *Al-Ibdal* bermaksud huruf-huruf yang ditukar dengan huruf lain, namun ia tetap berfungsi dan dibaca.

Contohnya *Ibdal* huruf *alif* kepada huruf *wau* pada kalimah *أَصْلَوَةً* namun huruf *alif* tetap berfungsi pada bacaan.

Soalan 7(b) menghendaki menerangkan tiga kelebihan yang terdapat pada *al-Rasm al-Uthmani*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan seperti kehendak skema dengan calon layak mendapat purata 6 markah. Ini menunjukkan kebanyakkan calon dapat menguasai bagi topik pembelajaran ini. Namun masih ada segelintir yang hanya dapat menjawab 1 daripada 3 kelebihan dengan tepat dan memperoleh hanya 2 dari 6 markah yang diperuntukkan.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Ia adalah *al-Rasm tauqifi*, iaitu suatu bentuk *al-Rasm* yang datangnya daripada Allah SWT.
- Penulisannya bertepatan dengan tujuh huruf penurunan al-Quran. Al-Quran diturunkan dengan tujuh huruf dan *al-Rasm al-Uthmani* itu bertepatan dengan semua tujuh huruf tersebut.
- Penulisannya bertepatan dengan pembentangan terakhir Rasul SAW dengan Malaikat Jibril AS. Ia dipastikan oleh Zaid bin Thabit yang turut terlibat dalam pembentangan terakhir.

BAHAGIAN C: *Dhabit al-Quran dan al-Fawasil*

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon perihalkan sejarah perletakan baris-baris pada ayat al-Quran. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan seperti kehendak skema dengan calon layak mendapat purata 4 markah. Kebanyakkan calon dapat menguasai bagi topik pembelajaran ini. Namun masih ada segelintir yang hanya dapat menjawab 1 daripada 4 penceritaan sejarah dengan tepat dan memperoleh hanya 1 dari 4 markah yang diperuntukkan. Terdapat juga calon yang salah mendatangkan nama mereka yang terlibat dalam penceritaan sejarah pada jawapan calon.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Satu ketika Muawiyah memerintahkan Ziyad (gabenor Basrah) menghantar anaknya Ubaidullah bertemu beliau. Semasa pertemuan, Muawiyah mendapat banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan Ubaidullah.
- Sewaktu Ubaidullah pulang, Muawiyah mengutuskan kepada Ziyad mengecam kerana membiarkan anaknya bertutur dengan tatabahasa yang salah.
- Oleh kerana Ziyad bimbang sekiranya kesalahan itu berlaku dalam pembacaan al-Quran, maka ia memanggil Abu al-Aswad al-Dua'li untuk melakukan sesuatu terhadap al-Quran.
- Pada peringkat permulaannya Abu al-Aswad enggan menerima tugasan tersebut dan ia begitu mengecewakan Ziyad.

Soalan 8(b) menghendaki menerangkan tiga perbezaan antara *nuqat al-l'rab* dengan *nuqat al-l'jam*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab seperti yang dikehendaki pada skema. Terdapat calon memberi jawapan yang sama maksud cuma olahan bahasa yang berbeza. Hanya segelintir calon yang dapat menjawab dengan baik pada soalan ini.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

<i>Nuqat al-l'rab</i>	<i>Nuqat al-l'jam</i>
• Melibatkan baris-baris al-Quran.	• Melibatkan titik-titik al-Quran.
• Berlaku pada zaman Muawiyah Abu Sufian.	• Berlaku pada zaman Abd Malik bin Marwan.
• Dilaksanakan oleh Abu al-Aswad dengan bantuan daripada seorang lelaki dari <i>kabilah</i> Abd al-Qays	• Dilaksanakan oleh Hajjaj bin Yusof al-Thaqafi dan dibantu oleh Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar
• Faktor peletakannya kerana kesilapan dalam tatabahasa arab yang dibimbangi berlaku terhadap al-Quran.	• Faktor peletakannya kerana ramai kalangan umat Islam tidak dapat membezakan antara huruf-huruf <i>hijaiyyah</i> .

Soalan 9

Soalan 9(a) menghendaki calon menyatakan empat kumpulan ulama *al-'Adad* dalam ilmu al-Fawasil. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan seperti kehendak skema dengan calon layak mendapat purata 4 markah. Ini menunjukkan kebanyakkan calon dapat menguasai bagi topik pembelajaran ini. Namun masih ada segelintir yang hanya dapat mendapat purata markah 2 daripada 4 markah yang diperuntukkan.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

• Al-Madani al-Awwal	• Al-Madani al-Akhir	• Al-Makki	• Al-Basri
• Al-Dimasyqi	• Al-Himsi	• Al-Kufi	

Soalan 9(b) menghendaki menjelaskan tiga kaedah para ulama dalam menentukan penghujung sesuatu ayat al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab seperti yang dikehendaki pada skema. Terdapat segelintir calon tidak memberi jawapan berserta contoh pada jawapan mereka.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Persamaan ayat antara sebelum dan selepasnya dari sudut Panjang dan pendeknya. Contohnya:
الرَّحْمَنُ الرَّجِيمُ مَلَكٌ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٢﴾
- Persepakatan ulama mengiranya sebagai satu ayat. Contohnya: الرَّحْمَنُ الرَّجِيمُ مَلَكٌ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٢﴾
- Terputus kalam (kata-kata) pada ayat tersebut. Contohnya: الرَّحْمَنُ الرَّجِيمُ مَلَكٌ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٢﴾
- Persamaan *wazan* di akhir sesuatu ayat dengan ayat selepasnya. Contohnya:

مَلَكٌ يَوْمَ الدِّينِ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٣﴾

Soalan 10

Soalan 10(a) menghendaki calon menyatakan maksud *al-Dimasyqi* dan *al-Himsi*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab seperti yang dikehendaki pada skema. Terdapat calon memberi jawapan nama tempat yang merujuk kepada nama tempat Dimasyqi dan Himsi. Hanya segelintir calon yang dapat menjawab dengan baik pada soalan ini.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- *Al-Dimasyqi* ialah apa-apa yang diriwayatkan oleh Yahya al-Zimari daripada Abdullah bin Amir al-Yahsabi.
- *Al-Himsi* pula ialah apa-apa yang disandarkan kepada Syuraih bin Yazid *al-Himsi al-Hadrami*.

Soalan 10(b) menghendaki calon mendaangkan dua implikasi negatif sekiranya seseorang itu tidak mengetahui *al-Fasilah* sesuatu ayat. Kebanyakkan calon dapat menjawab seperti kehendak skema dan terdapat juga calon yang tidak dapat mengemukakan isi kesimpulan pada jawapan mereka menyebabkan calon kehilangan 2 markah.

Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

- Boleh menjadikan solat seseorang tidak sah. Semasa solat, seseorang yang tidak menghafaz surah al-Fatihah hendaklah menggantikan bacaannya dengan tujuh ayat al-Quran yang lain. Oleh itu tanpa pengetahuan mengenai bilangan ayat, ia boleh menjadikan bacaannya kurang dari tujuh ayat.
- Boleh menjadikan khutbah tidak sah. Semasa berkhutbah, khatib mestilah membaca sekurang-kurangnya satu ayat yang lengkap. Oleh itu, tanpa pengetahuan mengenai penghujung ayat, ia boleh menjadikan bacaanya tidak sempurna.
- Boleh menjadikan penafsiran sesuatu ayat itu tidak sempurna. Apabila seseorang memberhentikan bacaan pada sesuatu tempat yang bukan al-fasilah ayat, maka ia boleh melibatkan terjadinya penafsiran yang salah.

TAHFIZ AL-QURAN (932/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 113 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 82.29% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	30.97	10.62	12.39	5.31	7.96	8.85	6.19	2.65	4.42	0.88	9.73

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan mutu soalan tahun ini adalah baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi dan analisis. Namun terdapat beberapa soalan yang mengelirukan calon. Ia boleh dilihat pada soalan 6 (b) yang meminta calon memberikan khilaf kalimah dari mashaf Abdullah bin Mas'ud berdasarkan ayat yang diberikan. Ini mengundang jawapan yang tidak tepat dan pelbagai serta merugikan calon kerana jumlah markah yang diperuntukan adalah besar iaitu 6 markah.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Hifz al-Quran

Soalan 1

Soalan ini mengkehendaki calon menyambung empat ayat selepas ayat 27 dari surah al-Najm. Sebahagian calon tidak menjawab soalan ini dengan tepat. Terdapat sebahagian kecil calon sahaja yang menjawab dengan memberikan jawapan salah. Jawapan sepatutnya ialah. Terdapat calon yang memberikan jawapan dari surah lain menyebabkan calon berkaitan tidak mendapat markah penuh sebanyak 10 markah.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

وَمَا لَهُم بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنُّ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ
الْحَقِّ شَيْئًا ﴿٥٨﴾ فَأَعْرِضْ عَنْ مَنْ تَوَلَّ عَنْ ذِكْرِنَا وَلَا يُرِدُ إِلَّا الْحَيَاةَ
الْدُّنْيَا ﴿٥٩﴾ ذَلِكَ مَبْلَغُهُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنَ
سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ أَهْتَدَى ﴿٦٠﴾ وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا

Soalan 2

Soalan ini mengkehendaki calon menyempurnakan ayat dari awal surah al-Mujadalah sehingga ayat 3. Kebanyakan calon yang sederhana dan cemerlang dapat memberikan jawapan dengan tepat. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil calon yang memberikan jawapan kurang tepat berkaitan ayat yang diminta dengan memberikan jawapan hanya separuh dan disambung dengan ayat dari surah lain.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تَجْدِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ
وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِينَ يُظْهِرُونَ
مِنْكُمْ مَنِ يُسَارِعُهُمْ مَا هُنَّ أَمْهَاتُهُمْ إِنَّ أَمْهَاتَهُمْ إِلَّا أَنَّهُ
وَلَذَنْهُمْ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُسْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا وَإِنَّ

Soalan 3

Soalan 3(a) Ini meminta calon menyambung firman Allah SWT dari surah Nuh, ayat 11 hingga ayat 16. Hanya sebahagian kecil calon sahaja berjaya menjawab dengan tepat soalan ini dan mendapat markah penuh sebanyak 6 markah. Kebanyakan calon tidak mampu menyambung ayat seperti kehendak soalan mungkin disebabkan tidak menghafaz atau mengingat ayat yang berkaitan dengan baik.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿٢٧﴾
مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٦﴾ وَقَدْ خَلَقْتُمُ أَطْوَارًا ﴿١٥﴾ أَلَمْ تَرَوْ
كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَوَاتٍ طَبَاقًا ﴿١٤﴾ وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهنَّ نُورًا

Soalan 3(b) mengkehendaki calon menyambung firman Allah SWT dalam surah Nuh, ayat 27 hingga ayat 29. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Soalan ini menyebabkan calon kehilangan 4 markah.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

إِنَّكَ إِنْ تَدَرِّهُمْ يُضْلِلُوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجْرًا كَفَارًا
رَبِّ أَغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْقَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ

Soalan 4

Soalan 4(a) meminta calon menyambung firman Allah SWT dalam surah al-Infitar, ayat 13 hingga ayat 18. Hasil dapatan kebanyakkan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Namun begitu sebahagian kecil tidak dapat menyambungnya dengan baik dan keliru kerana kedudukan ayat pendek dalam surah al-Infitar yang seakan sama penghujung ayat. Bagi soalan ini, sebahagian calon mampu memberikan jawapan dengan tepat manakala sebahagian yang lain menjawab dengan kurang tepat dan kebanyakkan calon mendapat 4 markah penuh untuk soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ۝ وَإِنَّ الْفُجَارَ لَفِي جَحَّمٍ ۝ يَصْلَوْنَهَا يَوْمَ الْدِينِ ۝ وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَافِلٍ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الدِّينِ ۝ ثُمَّ مَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الدِّينِ ۝

Soalan 4(b) mengkehendaki calon menyempurnakan firman Allah SWT dalam surah al-Mutaffifin, ayat 26 hingga ayat Hanya segelintir calon yang lemah dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Namun begitu kebanyakkan calon cemerlang mendapat 6 markah penuh pada soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya seperti berikut:

وَفِي ذَلِكَ فَلَيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ ۝ وَمِنَ الْمُزَاجُهُ وَمِنْ تَسْنِيمِ ۝
عَيْنَا يَشَرِّبُ بِهَا الْمُقْرَبُونَ ۝ إِنَّ الَّذِينَ أَحْرَمُوا كَافُوا مِنَ ۝
الَّذِينَ إِمَّا مُنُوا يَضْحَكُونَ ۝ وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامِزُونَ ۝

BAHAGIAN B: Ulum al-Quran

Soalan 5

Soalan 5(a) meminta calon menyenaraikan empat nama sahabat yang terlibat dalam penyalinan semula mashaf al-Quran pada zaman Khalifah Uthman bin ‘Affan. Kebanyakkan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya 3 nama dengan tepat. Namun begitu, terdapat calon yang keliru dengan nama bapa kepada penulis contohnya Abdullah bin Zubair tetapi calon menjawab Abdullah bin al-Harith. Bagi calon yang cemerlang dapat menjawab dengan memenuhi kehendak skema jawapan dan memperoleh markah penuh.

Soalan 5(b) mengkehendaki calon menghuraikan sejarah pengumpulan al-Quran yang berlaku pada zaman Khalifah Uthman bin ‘Affan. Bagi soalan 5(b) terdapat segelintir kecil calon yang terkeliru dengan memberikan jawapan sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Khalifah Abu Bakar sedangkan kehendak soalan adalah pada zaman Khalifah Uthman bin ‘Affan. Peruntukan markah untuk soalan ini adalah 6 markah. Kebanyakkan calon dapat menjawab soalan dengan baik iaitu menghuraikan sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Khalifah Uthman bin ‘Affan dengan memperoleh markah penuh. Tetapi sebahagian calon gagal menghuraikan sejarah dengan tepat iaitu asalnya tiada keuntungan atau pengusaha tidak bertanggungjawab ke atas keuntungan. Antara alasan kurang tepat diberikan oleh calon ialah pengumpulan al-Quran pada zaman Uthman bin ‘Affan adalah tidak berdasarkan dari mushaf pada zaman Khalifah Abu Bakar.

Soalan 6

Soalan 6(a) meminta calon memerihalkan mashaf Abdullah bin Mas'ud. Hasil dapatan hanya segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat diantara calon yang tidak dapat memerihalkan berkaitan maksud serta contoh pada jawapan, hal ini menyebabkan kebanyakkan calon hanya mendapat 2 hingga 4 markah. Namun bagi segelintir calon yang cemerlang dapat menjawab dengan baik.

Soalan 6(b) meminta calon menyatakan bentuk bacaan yang terdapat dalam mashaf Abdullah bin Mas'ud pada petikan ayat berikut:

- i. مِنْ بَقِيلَهَا وَقَثَائِهَا وَفُوْمَهَا وَعَدَسَهَا وَبَصَلَهَا
- ii. وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ قُولُوا وَجُوْهَرُكُمْ شَطَرُوهُ
- iii. وَلِكُلِّ وِجْهَهُ هُوَ مُوَلِّهَا
- iv. وَتَزَوَّدُوا فِيَابَ خَيْرَ الْزَادِ الْتَّقْوَىٰ
- v. وَأَتَمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ
- vi. لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

Sebahagian besar calon tidak dapat menyatakan bentuk bacaan yang terdapat dalam mashaf Abdullah bin Mas'ud dengan baik iaitu *khilaf* pada kalimah-kalimah yang bergaris pada ayat. Namun begitu, terdapat hanya sebahagian kecil yang cuba menyatakan *khilaf* berdasarkan ilmu nahu sedia ada calon dan calon hanya mendapat 1 hingga 2 markah manakala sebahagian besar calon langsung tidak memperoleh markah pada soalan ini.

Soalan 7

Soalan 7(a) meminta calon menjelaskan kaedah *al-'Ibrah bi umum al-Lafzi la bi khusus al-Sabab*. Kebanyakan calon mampu menjelaskan maksud kaedah dengan tepat tetapi hanya sebahagian calon sahaja yang membuaturaian kepada pengertian atau memberiuraian yang kurang tepat atau terlalu ringkas sedangkanuraian pengertian diperuntukkan 2 markah. Kebanyakan calon juga hanya mampu memberikan satu contoh dengan tepat sedangkan kehendak soalan meminta calon memberikan dua contoh. Tidak ramai calon yang mampu memberikan dua contoh dengan tepat dan terdapat juga calon memberikan contoh bagi yang kaedah lain menyebabkan jawapan calon ditolak. Antara contoh tepat yang dikemukakan calon seperti pengajaran daripada keumuman lafaz bukan kerana kekhususan sebab, kerana syariat Islam adalah meliputi semua umat Islam bukan hanya terhad kepada individu yang menjadi sebab hukum tersebut terjadi.

Soalan 7(b) mengkehendaki calon mengemukakan dua contoh ayat *al-'Ibrah bi umum la bi khusus al-Sabab* besertauraian. Hanya sebahagian kecil calon berjaya menjawab soalan ini dengan tepat. Soalan ini merupakan soalan di mana calon perlu mendatangkan dalil ayat al-Quran. Dan kebanyakkan calon tidak mampu mendatangkan dalil ayat al-Quran yang berkaitan *al-'Ibrah bi umum la bi khusus al-Sabab* sepertimana kehendak soalan. Sebagai contoh calon hanya menyatakan ayat berkaitan lian denganuraian yang salah serta tidak memberikan contoh ayat yang dimaksudkan.

Soalan 8

Soalan 8(a) meminta calon membezakan ayat *mutasyabih al-Alfaz* pada ayat yang berikut: Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr, ayat 12:

كَذَلِكَ نَسْلُكُهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ ﴿١٢﴾

Firman Allah SWT dalam surah al-Syua'ra', ayat 200:

كَذَلِكَ سَلَكَهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٠٠﴾

Bagi soalan 8(a) ini kebanyakan calon tidak mampu menerangkan perbezaan ayat *mutasyabih al-Alfaz* pada kedua-dua ayat ini. Namun sebahagian kecil calon mampu memberikan perbezaan yang bersesuaian dengan kaedah nahu berdasarkan pengetahuan sedia ada calon. Antara contoh pada kalimah *نَسْلُكُهُ* merupakan perbuatan yang sedang berlaku (menggunakan *Fi'il Mudhari'*) manakala pada kalimah *سَلَكَهُ* merupakan perbuatan yang telah berlaku (menggunakan *Fi'il Madhi*). Bagi calon yang kurang pengetahuan ilmu nahu maka kebanyakkan calon langsung tidak mendapat markah pada soalan ini.

Soalan 8(b) mengkehendaki calon menghuraikan tiga cara untuk mengatasi kesukaran dalam menghafaz ayat *mutasyabih al-Alfaz*. Sebahagian besar calon mampu menghuraikan tiga cara bagi persoalan di atas dengan tepat. Pada soalan ini calon perlu memberikan tiga huraian yang bersesuaian dengan cara untuk mengatasi kesukaran dalam menghafaz ayat *mutasyabih al-Alfaz*. Seterusnya, kebanyakan calon yang menghuraikan tiga cara tersebut betul dan mampu memberikan huraian cara dengan baik. Namun terdapat kelemahan calon untuk menghuraikan pendapat sendiri dalam menyatakan tiga cara mengatasi kesukaran dalam menghafaz ayat *mutasyabih al-Alfaz* seperti di dalam kehendak soalan.

Soalan 9

Soalan 9 meminta calon menghuraikan dua definisi *sab'ah ahruf* menurut pandangan ulama. Peruntukan markah untuk soalan ini agak besar iaitu sebanyak 10 markah. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak mampu menjawab dengan baik soalan ini. Sebahagian calon tidak mampu memberikan definisi *sab'ah ahruf* menurut pandangan ulama dengan tepat dan lengkap mungkin disebabkan pandangan ulama ini agak panjang. Maksud yang tepat bagi *sab'ah ahruf* ini ialah semua pendapat ulama yang menghuraikan tentang tujuh huruf sama ada dari tujuh jenis bahasa-bahasa arab, tujuh kalimah yang terdapat dalam pelbagai surah al-Quran, tujuh ayat yang merujuk kepada ayat hukum, tegahan dan sebagainya. Namun didapati kebanyakan calon tidak mampu membuat huraian kepada kehendak soalan menyebabkan calon kehilangan markah. Berdasarkan kehendak soalan juga, calon perlu membuat kesimpulan atau rumusan dan hanya sebahagian calon yang membuat kesimpulan atau rumusan.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my